



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

3 September 2020

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• 513 nelayan dikhuatiri terjejas
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sin Chew Daily	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		25	3/9/20

513 nelayan dikhuatiri terjejas

SH M/S 25 3/9/20

Projek pelabuhan di Melaka sempitkan lokasi menangkap ikan di Port Dickson

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

PORT DICKSON

Jabatan Perikanan Negeri Sembilan meluahkan kebimbangan berhubung pembinaan projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) di Alor Gajah yang dikhuatiri boleh menjejaskan sumber pendapatan seramai 513 nelayan di negeri ini.

Pengarahnya, Halimi Abu Hanip berkata, ini kerana projek berkenaan berkemungkinan menyempitkan kawasan tangkapan ikan di pantai Port Dickson, pada masa sama



Halimi (tengah) menyampaikan bantuan peralatan kepada ahli myKP di Pengkalan Nelayan Batu 4, Port Dickson semalam.

menjejaskan sumber perikanan sedia ada.

"Kita difahamkan pelabuhan itu sangat besar dan nelayan di sini akan turut mendapat tempias kerana lokasinya bersempadan dengan Negeri Sembilan iaitu bersebelahan Tanjung Agas.

"Ia akan sempitkan lagi kawasan tangkapan ikan ke-

rana bila adanya pelabuhan, kawasan itu akan jadi tempat kapal-kapal berlabuh dan nelayan akan semakin sukar menjaring dan menangkap ikan," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Taklimat myKomuniti Perikanan (myKP), Penyampaian Bantuan *Touch Point*, Buku Pendaftaran myKP dan Kad Pen-

daftar Nelayan 2020 di Pengkalan Nelayan Batu 4 di sini semalam.

Mengulas mengenai myKP, sebanyak tiga myKP baharu akan ditubuhkan di negeri ini iaitu di Kampung Seliiau, Rantau; Kampung Bayai, Jempol dan Bagan Pinang, Port Dickson bagi mengembangkan lagi konsep pengurusan sumber dan aktiviti perikanan berasaskan komuniti perikanan.

Menurutnya, buat masa ini terdapat enam myKP melibatkan penyertaan seramai 141 orang.

Pada majlis berkenaan, sebanyak RM54,000 nilai bantuan berkelompok disampaikan kepada 40 ahli myKP Batu 4, Port Dickson dan Sungai Timun, Rembau melibatkan sumbangan barangan seperti alat pengecas bateri, tong insulasi, pontun dan tong Coleman.